

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT
PELAJARAN DAERAH PASIR MAS - TUMPAT

OLEH
SUZI HASWATY BINTI ISMAIL
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI DAN SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

3438

1100045603

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)
3

LI 65 FPE 2 2006



1100045603

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Mas, Tumpat / Suzihaswaty Ismail.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

i100045603

1100045603

i100045603

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT PELAJARAN DAERAH
PASIR MAS-TUMPAT**

OLEH

**SUZIHASWATY BT ISMAIL
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2006

i100045603

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Suzihaswaty Binti Ismail (UK 9449), mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan kandungan laporan ini.


Tandatangan,



Nama : SUZIHASWATY BINTI ISMAIL

Tarikh : 18 Ogos 2006

Disahkan oleh:


.....

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
(KUSTEM)**

PENGHARGAAN

Sekapur Sirih...

Dengan nama Allah Yang Maha Berkusa lagi maha Mengasihi, bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan limpah dan izinNya,dapat juga saya menjalani Latihan Industri ini dengan jayanya tanpa sebarang masalah. Saya juga dapat menyiapkan buku laporan ini dengan sempurna hasil daripada sepanjang menjalani Latihan Industri di Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Mas-Tumpat. Dengan rasa penuh kesyukuran dan kegembiraan, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat di dalam kejayaan ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas semua bimbingan dan dorongan yang telah diberikan selama ini terutamanya kepada En. Syahrin b. Said selaku penyelia Latihan Industri dan pensyarah-pensyarah bagi kursus Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua kakitangan Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Mas-Tumpat kerana sudi menerima kehadiran saya untuk menjalani Latihan Industri di sini. Terutamanya kepada Pegawai Pelajaran Daerah, Tn. Hj. Shafie b. Husain, Tn. Ab. Khabir b. Hj. Abd Ghani selaku Penolong Pegawai Pelajaran Daerah bahagian Sektor Pengurusan Sekolah, Tn Hj Zulkifli b. Mohd Yaman, Penolong Pegawai Pelajaran Daerah

bahagian Sektor pengurusan Akademik, Tn Hj Che Husin Che Soh, Penolong Pegawai Pelajaran Daerah bahagian Sektor Pembangunan Kemanusian dan kakitangan PPD Pasir Mas – Tumpat yang lain.

Tidak lupa juga kepada pegawai yang menyelia saya iaitu Tn. Hj Ab Khabir b Hj. Abd Ghani dan En. Che Nazir b. Che Sof selaku penolong penyelia di atas peluang yang diberikan kepada saya sebagai pelajar praktikal Latihan Industri. Beliau telah banyak memberi dorongan dan menyumbangkan ilmu, kemahiran dan pengalaman untuk dijadikan panduan pada masa yang akan datang tanpa mengira penat dan lelah. Jutaan terima kasih juga kepada keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan moral selama ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi tanggungjawab sebagai seorang pelajar.

Sekalung budi dan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyedian Laporan Latihan Industri ini. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah s.w.t dan yang buruk itu adalah kelemahan diri saya sendiri.

Sekian terima kasih. Wassalam.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) atau praktikum merupakan syarat penting yang wajib bagi setiap pelajar Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE) Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk bergraduat. Bagi memenuhi syarat ini, saya telah memilih Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Mas-Tumpat sebagai tempat untuk mencari pengalaman dalam dunia pekerjaan dan ini amat berguna sekali untuk diperlakukan apabila tamat belajar nanti.

Melalui LI, pelajar akan terlibat secara langsung dalam bidang pekerjaan. Oleh itu pelbagai manfaat yang dapat dipelajari oleh pelajar kerana dapat mempelajari pelbagai sistem dan corak pentadbiran sesuatu organisasi yang dijalankan. Dengan LI yang dijalankan juga akan membolehkan pelajar berasa lebih berkeyakinan untuk menempuh alam pekerjaan apabila tamat belajar kelak.

Objektif Latihan Industri yang dijalankan adalah bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar ke alam pekerjaan sebenar, membolehkan pelajar mengaitkan teori-teori yang telah dipelajari dengan aspek-aspek praktikal atau sebaliknya dan menanam semangat kerja berpasukan dan perhubungan baik sesama pekerja. Melalui latihan praktikal juga dapat menanam sifat amanah, bertanggungjawab dan berkeyakinan diri, mengamalkan peraturan-peraturan keselamatan di dalam latihan dan menyediakan laporan rasmi dan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh KUSTEM.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini adalah satu kursus yang sangat penting dan berguna kepada para pelajar untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri. Segala pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari akan dapat diaplikasikan oleh pelajar apabila berada dalam pekerjaan yang sebenar dan seterusnya dapat membantu pelajar menghadapi realiti alam pekerjaan kelak.